

Teliti mekanisme pendidikan percuma agar lebih adil, inklusif

Che Wan Muhammad Azimuddin C W Kamal,
Naib Yang Dipertua 3, Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Inisiatif kerajaan menyediakan pendidikan percuma dan biasiswa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada pelajar keluarga miskin tegar adalah satu langkah progresif yang wajar dipuji.

Usaha ini bukan sahaja membuka ruang lebih luas kepada golongan kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi, malah berpotensi menjadi pemutus rantai kemiskinan membelenggu sebahagian masyarakat.

Peningkatan jumlah penerima bantuan daripada 5,800 kepada 10,000 pelajar menunjukkan komitmen serius kerajaan memperkukuh mobiliti sosial melalui pendidikan tinggi.

Pendidikan tidak seharusnya menjadi hak eksklusif golongan berada, sebaliknya perlu dibuka seluas-luasnya kepada pelajar berpotensi daripada keluarga miskin tegar.

Sekiranya inisiatif ini dilaksanakan secara berkesan, negara bukan sahaja membantu pelajar keluar daripada belenggu kemiskinan, malah melahirkan lebih ramai ilmuwan, profesional dan pemimpin berkualiti pada masa hadapan.

Pendidikan adalah pelaburan jangka panjang negara dan akses lebih adil kepada pendidikan tinggi akan memberi manfaat besar kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara.

Mekanisme pengecualian bayaran balik PTPTN bagi graduan memperoleh ijazah sarjana muda kelas pertama juga perlu disokong.

Langkah ini boleh dianggap sebagai satu bentuk kontrak sosial akademik mampu memberi motivasi kepada pelajar mencapai kecemerlangan dalam pengajian.

Gabungan bantuan awal melalui sistem e-Kasih dan pengecualian pinjaman PTPTN juga berupaya mewujudkan ekosistem meritokrasi lebih adil kepada pelajar keluarga kurang berkemampuan.

Namun, ada beberapa isu perlu diberi perhatian supaya dasar ini benar-benar adil dan inklusif. Antaranya ketidaksamarataan syarat Kelas Pertama antara universiti yang boleh menjejaskan keadilan kepada pelajar universiti penyelidikan (RU) seperti Universiti Putra Malaysia (UPM).

Di sesetengah universiti, Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.50 sudah melayakkan pelajar memperoleh Kelas Pertama, manakala di UPM dan beberapa universiti lain, pelajar perlu mencapai CGPA 3.75.

Perbezaan standard ini memberi tekanan besar kepada pelajar miskin yang bergantung kepada pengecualian hutang PTPTN sebagai harapan mengurangkan beban kewangan selepas tamat pengajian.

Justeru, kerajaan disaran menyelaraskan semula kriteria ini supaya sistem bantuan benar-benar berasaskan merit dan tidak menghukum pelajar berdasarkan perbezaan standard institusi pengajian.

Konsep pendidikan percuma tidak seharusnya hanya tertumpu kepada pengecualian yuran pengajian semata-mata. Realitinya, kos sara hidup di kampus masih menjadi cabaran utama kepada pelajar miskin tegar.

Ramai pelajar terpaksa bekerja sambil sehingga menjejaskan prestasi akademik hanya untuk menampung makan minum, pengangkutan dan keperluan harian.

Oleh itu, kerajaan perlu mempertimbangkan beberapa bentuk bantuan tambahan seperti pemberian Elaun Sara Hidup (ESH) secara bulanan, jaminan penginapan percuma di kolej kediaman, bantuan laptop dan internet serta pengukuhan inisiatif food bank di universiti.

“Matlamat sebenar pendidikan percuma bukan sekadar memastikan graduan tamat belajar tanpa hutang, tetapi membantu mereka memperoleh pekerjaan stabil dan mampu mengubah taraf hidup keluarga secara berkekalan”

Wujudkan integrasi data secara masa sebenar

Di samping itu, isu kelewatan pengemaskinian data e-Kasih juga perlu diberi perhatian serius. Terdapat keluarga baru jatuh miskin akibat kehilangan pekerjaan atau kematian ketua keluarga tetapi belum direkodkan dalam sistem. Keadaan ini menyebabkan pelajar yang layak tercicir daripada menerima bantuan secara automatik.

Jurang maklumat di kawasan luar bandar dan pedalaman turut dikhuatiri menjadi faktor penghalang kepada pelajar untuk mengetahui kelayakan mereka.

Sehubungan itu, integrasi data secara masa sebenar antara e-Kasih, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), universiti dan PTPTN perlu diwujudkan bagi memastikan bantuan dapat disalurkan secara automatik tanpa birokrasi yang membebankan pelajar.

Universiti juga perlu memperkenalkan mekanis-

me khas untuk membantu golongan ‘hampir miskin tegar’ yang tidak tersenarai dalam e-Kasih, tetapi berdepan tekanan kewangan serius.

Golongan ini sering berada dalam ‘zon kelabu’ kerana pendapatan isi rumah mereka melepasi garis kemiskinan secara teknikal, namun masih menanggung beban keluarga besar.

Dalam hal ini, universiti disaran mewujudkan panel khas dan sistem semakan berkala supaya bantuan kecemasan dapat disalurkan lebih pantas kepada pelajar benar-benar memerlukan.

Pada masa sama, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), universiti dan alumni juga perlu memainkan peranan lebih aktif dalam memperkukuh sokongan akademik dan kebajikan kepada pelajar miskin tegar.


Antara langkah boleh dilaksanakan termasuk program mentor-mentee, kumpulan belajar dipantau pelajar senior, skim pinjaman peranti sementara serta saluran aduan khas berkaitan isu PTPTN dan e-Kasih.

Sokongan seperti ini penting bagi memastikan pelajar bukan sahaja mampu memasuki universiti, tetapi berjaya menamatkan pengajian dengan baik.

Selain bantuan kewangan, kerajaan perlu membuka laluan khas latihan industri dan peluang pekerjaan kepada penerima bantuan melalui kerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Matlamat sebenar pendidikan percuma bukan sekadar memastikan graduan tamat belajar tanpa hutang, tetapi membantu mereka memperoleh pekerjaan stabil dan mampu mengubah taraf hidup keluarga secara berkekalan.

Diharapkan inisiatif pendidikan percuma dapat dilaksanakan secara telus, adil dan menyeluruh supaya tiada pelajar tercicir hanya kerana faktor kemiskinan atau kekangan birokrasi.



Pendidikan adalah pelaburan jangka panjang negara dan akses lebih adil kepada pendidikan tinggi akan memberi manfaat besar kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara. (Foto hiasan)